KEMENTERIAN PENDIDIKAN

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah bidang serta dalam Gred kategori dan Pengkhususan yang berkaitan membuat tawaran bagi kerja berikut:

Bil	Tajuk dan No. Tender	Taraf/ Syarat Pendaftaran	Tarikh, Tempat Taklimat Tender dan Lawatan Tapak	Tarikh & Tempat Penjualan Dokumen	Tarikh dan Tempat Tutup Tender	Harga Dokumen
1	**CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN SEBUAH SURAU 1 TINGKAT DI SEKOLAH KEBANGSAAN BUKIT JELUTONG, DI NO.2, JALAN SERAMBI U8/21, SEKSYEN U8, 40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN UNTUK KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA** **KP(BP-T) Ten.14/2026**	♦ **Taraf Bumiputera-T1** ♦ **CIDB Gred G4** ♦ **Kategori: B & CE** ♦ **Pengkhususan: B04 & CE21** ♦ **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** ♦ **Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK) dengan CIDB** ♦ **Sijil Taraf Bumiputera dengan PKK**	**18 November 2026 (Rabu)** Masa Pendaftaran: **9:30 – 10:30 pagi** Masa Taklimat: **10:30 pagi** Tempat Taklimat: **Bilik Mesyuarat Sekolah Kebangsaan Bukit Jelutong, Shah Alam** Lawatan ke tapak projek akan diadakan selepas taklimat **KEHADIRAN PENGARAH SYARIKAT SEMASA TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK ADALAH DIWAJIBKAN**	**23 - 25 November 2026 (Isnin - Rabu)** Tempat: **Bahagian Pembangunan, Kementerian Pendidikan, Aras 1, Blok E2, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 W.P. Putrajaya**	**16 Disember 2026 (Rabu)** Sebelum atau pada: **12:00 tengah hari** Tempat: **Bilik Peti Tender, Bahagian Pembangunan, Kementerian Pendidikan, Aras 1, Blok E2, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 W.P. Putrajaya**	**RM100.00 (Tidak akan dikembalikan)** (Dokumen dalam bentuk pautan QR)

2 Waktu urusan pertanyaan mengenai tawaran dan pembelian dokumen tender adalah seperti berikut:

HARI	WAKTU
Isnin - Rabu	9:30 pagi – 12:00 tengah hari dan 2:30 petang – 4:00 petang

3 Pendaftaran kontraktor akan dibuka pada jam 9:30 – 10:00 pagi. Pendaftaran lewat tidak dibenarkan untuk menyertai tender. Kontraktor yang hadir ke sesi taklimat hendaklah membawa bersekali dokumen-dokumen **ASAL** dan **SALINAN** (tidak akan dikembalikan), Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan dalam kod bidang yang berkaitan, Sijil CIDB, Sijil SPKK serta Sijil Pendaftaran Bumiputera yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan. **PERWAKILAN KUASA ADALAH TIDAK DIBENARKAN SAMA SEKALI**. Pengarah Syarikat yang sah dan dinamakan di dalam Sijil sahaja dibenarkan menghadiri taklimat tender dan lawatan tapak.

4 Dokumen tender hanya akan dikeluarkan kepada **kontraktor yang hadir ke taklimat dan lawatan tapak sahaja**.

5 Bayaran dokumen hendaklah dibuat secara atas talian melalui kaedah iPayment di Sistem Terimaan Elektronik Kerajaan Persekutuan (ipayment.anm.gov.my). Sila kemukakan bukti pembayaran (**resit asal**) semasa mengambil dokumen tender. Bayaran bagi dokumen ini tidak akan dikembalikan.

6 Dokumen Meja Tender disediakan untuk semakan di **Kaunter Jualan Tender, Bahagian Pembangunan, Kementerian Pendidikan,Aras 1, Blok E2,Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 W.P. Putrajaya** pada waktu pejabat sehingga tarikh tender dijadualkan tutup.

7 Dokumen tender yang telah sempurna diisi dan ditandatangani hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri, dengan nombor dan tajuk tender dituliskan di kirinya dan dimasukkan ke dalam peti tender di alamat berikut:

KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BAHAGIAN PEMBANGUNAN
ARAS 1, BLOK E2, KOMPLEKS E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 W.P. PUTRAJAYA

8 Semua kos yang berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah tanggungjawab kontraktor. Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan sama sekali.

9 KPM tidak terikat menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab sesuatu tawaran itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas perbelanjaan dengan tawaran ini.